

KPDNHEP sasar 15,200 peniaga guna e-dompot tahun depan

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyasarkan sejumlah 15,200 peniaga luar bandar di seluruh negara terlibat dengan model perniagaan secara digital atau e-dompot menjelang 2022.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bagi mencapai sasaran itu, KPDNHEP dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memperluaskan lagi program Inisiatif Digital Peruncitan (ReDI) di setiap negeri.

"Program ini diadakan bagi memastikan peniaga kecil tidak ketinggalan dalam arus perdana dan membantu perniagaan kecil di kawasan pedalaman melibatkan diri menerusi model baharu perniagaan secara digital," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) Negeri Sarawak di sini, pada Ahad.

Nanta berkata, berdasarkan rekod **Jabatan Perangkaan Malaysia**, pendapatan transaksi e-dagang telah melonjak hingga 30 peratus iaitu RM254.6 bilion pada suku pertama 2021.

"Berdasarkan rekod Bank Negara, penggunaan e-dompot atau 'e-wallet' juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM600 juta pada 2020, berbanding tahun sebelumnya yang hanya mencatat sebanyak RM300 juta," katanya.

Nanta berkata, peningkatan ini amat signifikan dan memperlihatkan kadar penerimaan penggunaan transaksi tanpa tunai di negara ini.

Setakat ini, sejumlah 1,734 peniaga di daerah Kapit telah mendaftarkan perniagaan mereka dengan penyedia e-dompot.

"Di Pasar Teresang (sebuah pasar basah di Kapit) sahaja, sejumlah 27 peniaga telah mendaftarkan perniagaan mereka, ini menunjukkan perkembangan yang sangat memberangsangkan dan kita jangka jumlah ini akan meningkat.

<https://www.sinarharian.com.my/article/174940/BISNES/KPDNHEP-sasar-15200-peniaga-guna-e-dompot-tahun-depan>